

PERANAN INDUSTRI PELANCONGAN DALAM PEMBANGUNAN
EKONOMI NEGERI MELAKA

Oleh;

Ahmad bin Kemin
Rusli bin Mawasi
Ibrahim bin Mat
Abdul Jalil bin Ranting

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang
Institut Teknologi MARA, Cawangan Melaka
Bagi Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam

Oktober, 1988

PENGHARGAAN

Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kami kepada pegawai-pegawai di agensi-agensi kerajaan seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Majlis Perbandaran Melaka, Unit Polis Pelancongan Melaka, Jabatan Kemajuan Masyarakat Melaka, Jabatan Imigresen Melaka khususnya Bahagian Unit Penguatkuasa dan Pusat Pelancongan Melaka di atas kerjasama yang diberikan bagi mendapatkan data-data dan maklumat-maklumat yang lengkap dan yang kemaskini. Begitu juga dengan pengusaha-pengusaha perhotelan, kraftangan dan malanan, penarik beca, Persatuan Penjaja dan orang perseorangan yang telah memberikan kerjasama serta sokongan dalam apa jua bentuk. Terima kasih juga kami ucapkan kepada Encik Musa bin Ahmad, pensyarah PAD 355, Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang di atas bimbingan dan tunjuk ajar beliau di dalam menyedia dan menyiapkan kertas projek ini. Tanpa kerjasama, sokongan, bantuan dan tunjuk ajar mereka, kertas projek ini tidak akan menjadi kenyataan.

ABSTRAK

Industri pelancongan diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri Melaka dalam tempoh kedua Rancangan Malaysia Keempat berdasarkan potensinya sebagai sebuah negeri yang memiliki kesan peninggalan sejarah ketamadunan bangsa dan tempat-tempat rekreasi dan peranginan yang menarik. Sejak tahun 1982 hinggalah kini berbagai projek dan program telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dengan tujuan untuk memajukan industri pelancongan dan mencapai matlamat pembangunan ekonomi. Pembangunan infrastruktur, kawasan-kawasan pelancongan dan rekreasi serta pengekalan kesan-kesan sejarah ketamadunan bangsa di negeri ini sesungguhnya satu galakkan terhadap perkembangan ekonomi Negeri Melaka. Berbagai-bagai industri tempatan seperti industri perhotelan, pembuatan dan makanan dapat diperkembangkan. Lantas secara tidak langsung industri ini telah menggerakkan pula aktiviti-aktiviti ekonomi seperti membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan peluang berniaga di kalangan penduduk tempatan. Di samping itu ia juga dapat memberikan peluang kepada pengusaha, peniaga dan penduduk tempatan untuk meningkatkan jumlah pendapatan dan taraf hidup mereka. Namun begitu industri pelancongan ini juga telah mewujudkan kesan-kesan negatif seperti pelacuran, pengemis dan pendatang haram yang boleh memberi kesan kepada sosio-budaya dan sosio ekonomi penduduk tempatan.

Melalui penyelidikan ini dapatlah dikatakan bahawa strategi pembangunan ke atas industri pelancongan masih boleh dipertingkatkan dan adalah diharapkan agar penyelidikan ini akan dapat memberi panduan serta pandangan yang berfaedah untuk dilaksanakan baik di peringkat Kerajaan Pusat mahupun di peringkat Kerajaan Negeri dan agensi.

KANDUNGAN

	Mukasurat	
PENGHARGAAN	i	
SENARAI JADUAL	ii	
SENARAI RAJAH	iii	
ABSTRAK	iv	
BAB		
1	Pengenalan	
1.1	Latarbelakang Industri Pelancongan	1
1.2	Industri Pelancongan Di Melaka	4
1.3	Skop Penyelidikan	7
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Kepentingan Kajian	10
1.6	Metodologi Kajian	11
1.7	Penyata Masalah	14
2	PROGRAM-PROGRAM DAN PERBELANJAAN SEKTOR PELANCONGAN	
2.1	Program-Program Sektor Pelancongan	16
2.2	Perbelanjaan Pembangunan Sektor Pelancongan	27
3	ANALISA DATA KAJIAN	
3.1	Kejayaan Di Dalam Menarik Pelancong	32
3.2	Pertumbuhan Industri-Industri Tempatan	40
3.3	Perkembangan Kegiatan Penarik Beca	59
3.4	Kesan-Kesan Sampingan	63
4	RUMUSAN DAN CADANGAN	
4.1	Rumusan	68
4.2	Cadangan	74
NOTA CATATAN		
LAMPIRAN		
BIBLIOGRAFI		

1. PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Industri Pelancongan

Akhir-akhir ini masyarakat Malaysia sering membicarakan budaya pelancongan iaitu satu kegiatan kebudayaan yang kini telah diangkat ke taraf kementerian. Walaupun gejala ini begitu hangat diperkatakan di dalam media massa yang berselerak di tanah air kita, tetapi apa yang pasti pelancongan ini adalah salah satu dari aktiviti budaya yang berlaku sepanjang zaman iaitu sejak manusia mengenal erti kehidupan. Secara lebih tepat dapatlah dikatakan bahawa pelancongan adalah satu tradisi hidup yang dikembangkan oleh manusia sebagai salah satu daripada aktiviti kehidupan dengan tujuan memperkembangkan kebudayaan atau kepercayaannya, mengumpulkan bahan atau maklumat dan sebagainya yang memberi faedah kepada manusia itu sendiri.¹

Industri pelancongan adalah ibarat suatu bentuk eksport. Ia tidak dapat dilihat tetapi dapat memainkan peranan yang amat penting bukan sahaja di dalam memperkembangkan dan memajukan industri perhotelan, pembuatan dan pemakanan, tetapi juga menjadi sumber kepada pendapatan tukaran wang asing, penyediaan peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi negara keseluruhannya. Atas dasar dan alasan inilah akhirnya Kerajaan Malaysia telah mewujudkan sebuah agensi iaitu Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) pada 10hb Ogos, 1972. Agensi ini diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian,² kemudian diletakkan pula di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan yang telah ditubuhkan pada tahun 1987.